


Ringkasan Eksekutif Rancangan Pengurusan Hutan Negeri (RPH) Pulau Pinang 2021-2030

Pulau Pinang, dengan keluasan negerinya lebih kurang 104,868 hektar mempunyai kawasan berhutan berjumlah 7,751.77 hektar (iaitu sebanyak 7.39% daripada keseluruhan kawasan negeri). Daripada jumlah kawasan berhutan tersebut, seluas 5,386.77 hektar telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal sejak tahun 1928 lagi bertujuan untuk menentukan pemegangan jaminan (*security of tenure*), manakala seluas 664 hektar adalah termasuk dalam cadangan Hutan Simpanan Kekal. Baki kawasan berhutan seluas 1,182 hektar adalah di bawah Taman Negara dan tanah kerajaan. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab untuk mentadbir, mengurus dan membangunkan kawasan Hutan Simpanan Kekal secara berkekalan bagi tujuan pengeluaran kayu kayan dan hasil hutan lain serta pemeliharaan sumber air dan alam sekitar.



Walaupun tiada sebarang lesen bagi tujuan pengusahaan dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 1972 lagi, tetapi sektor perhutanan masih dilihat menyumbang di dalam pembangunan sosio-ekonomi negeri dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini. Sehingga kini, hampir 1,500 tenaga kerja yang terlibat secara langsung di dalam industri perkayuan seperti di kilang papan

gergaji, papan lapis/venir dan kayu kumai. Menurut rekod, hampir 282 buah syarikat terlibat secara aktif di dalam sektor perabot dan industri berdasarkan kayu (IBK) di Pulau Pinang, menjadikannya salah satu sektor yang besar di dalam negeri yang kecil. IBK Negeri Pulau Pinang menyumbang kepada 5.3 peratus atau RM1.16 bilion daripada pendapatan nilai eksport negara sebanyak RM22.02 bilion pada tahun 2020 (MTIB, 2021)

Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang juga telah membangunkan beberapa kawasan hutan lipur di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal dengan pelbagai kemudahan dan infrastruktur tersedia untuk digunakan oleh pengunjung. Ini secara langsung telah menyumbang kepada industri pelancongan negeri khususnya ekopelancongan. Bagi memastikan fungsi hutan terus relevan di dalam industri pelancongan negeri, perancangan pembangunan kawasan rekreasi perlulah dibuat secara lebih teratur.

Walau pun bersaiz kecil, Negeri Pulau Pinang adalah antara negeri yang termaju di Malaysia pada masa ini. Lantaran itu, pelbagai rancangan pembangunan yang sedang rancak dilaksanakan di seluruh negeri perlulah mengambil kira fungsi dan faedah hutan kepada masyarakat dan alam sekitar bagi memastikan ianya berkekalan. Bagi tujuan

ini, Akta Perhutanan Negara 1984 telah dengan jelas menyatakan keperluan untuk sesebuah Jabatan Perhutanan Negeri menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) sebagai panduan yang penting dan berguna ke arah pengurusan yang efektif sesebuah Unit Pengurusan Hutan. Menurut Akta Perhutanan Negara 1984 (pindaan 1993), Seksyen 2(1) "Rancangan Pengurusan Hutan" boleh didefinisikan secara umum sebagai "suatu rancangan kendalian yang berhubung dengan aktiviti atau program silvikultur, ekonomi atau pemuliharaan yang ditetapkan bagi sesuatu Hutan Simpanan Kekal tertentu atau sebahagian daripadanya untuk memastikan pengambilan, penanaman semula dan pemuliharaan pokok-pokok yang teratur mengikut prinsip perolehan berkekalan (*sustained yield principle*)". Sesuai dengan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan itu sendiri, definisi RPH itu boleh dikembangkan dengan merangkumi aspek-aspek lain yang berkaitan seperti pemeliharaan ekologi dan biodiversiti, ekopelancongan, masyarakat yang bergantung kepada hutan dan perlindungan alam sekitar.

Pada masa ini, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang mengurus dan mentadbir kawasan hutan berdasarkan kepada dokumen RPH Pulau Pinang 2011 – 2020. Jabatan Perhutanan Negeri sedang **dalam rangka penyediaan** RPH Pulau Pinang yang baharu untuk jangkamasa 2021-2030. Untuk memastikan kesinambungan di dalam pelaksanaan strategi pengurusan hutan di Pulau Pinang beberapa fokus baharu turut diberi tumpuan ke atas penyediaan RPH tersebut. Ini berikutan Dasar dan Polisi Kerajaan Negeri terkini yang meletakkan pengurusan sumber hutan turut mengimbangi keperluan ekonomi dan alam sekitar sejajar dengan visi Kerajaan Negeri dalam Penang2030.

Dasar-Dasar Baharu & Berkaitan Mengenai Sektor Perhutanan 2020 - 2030



Perpandukan dengan Dasar-Dasar Kerajaan negeri semasa Objektif utama penyediaan RPH Pulau Pinang 2021-2030 ini adalah selari dengan Objektif dan Dasar Perhutanan Malaysia 2020 menyasarkan iaitu memelihara dan mengurus hutan secara berkekalan dan memastikan peranan dan kepentingannya dari segi sosio-ekonomi, kepelbagaian biologi dan pemuliharaan serta kestabilan alam sekitar setiasa diambil perhatian. Walau bagaimanapun, terdapat tujuh (7) objektif khusus disasarkan dalam RPH akan datang yang perlu dicapai oleh JPNPP untuk tempoh 10 tahun iaitu meliputi aspek:

1. Pengurusan Sumber Hutan
2. Pembangunan Sumber Hutan
3. Oerhutanan Masyarakat
4. Pemeliharaan Biodiversiti Flora & Fauna
5. Pembangunan Tenaga
6. Penggunaan Teknologi; dan
7. Meningkatkan penjanaan Ekonomi Baharu

1	PENGURUSAN SUMBER HUTAN melalui pelaksanaan konsep SFM yang merangkumi semua aspek daripada pemeliharaan biodiversiti sehingga penghasilan dan pengeluaran produk kayu yang dieksport ke luar negara.
2	PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN melalui perlaksanaan aktiviti pembangunan hutan menggunakan ciri-ciri dalam biodiversiti sebagai kelebihan bagi menarik pelancongan atau dan menjadikan kawasan hutan sebagai salah satu daripada produk pelancongan negeri
3	PERHUTANAN MASYARAKAT memberi pendekahan, kemudahan dan faedah kepada masyarakat melalui program perhutanan sosial bagi menggalakkan pendidikan dalam perhutanan dan perkhidmatan publisiti bagi meningkatkan kefahaman masyarakat dan sebaran maklumat terhadap pelbagai faedah hutan
4	PEMELIHARAAN BIODIVERSITI FLORA DAN FAUNA bagi tujuan menjaga kestabilan alam sekitar menerusi program-program pendidikan dan penyelidikan.
5	PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA menerusi peminatapan program-program latihan kepada kakitangan jabatan bagi menjamin tenaga kerja terlatih di sektor perhutanan di samping menyediakan kemudahan infrastruktur berkaitan bagi menyokong sektor perhutanan.
6	 PENGGUNAAN TEKNOLOGI TERKINI Penggunaan teknologi yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan
7	MENINGKATKAN PENJANAAN EKONOMI Meningkatkan sumbangan kepada penjanaan ekonomi dan peluang pekerjaan melalui kekayaan baru sektor perhutanan

Secara keseluruhannya RPH Negeri Pulau Pinang 2021-2030 akan memperincikan panduan dan perancangan sumber hutan yang menumpukan kepada empat (4) hala tuju pengurusan hutan di bawah Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) dan juga pencapaian sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri di dalam Dasar/Polisi Pembangunan Negeri dalam tempoh sepuluh (10) tahun iaitu:-

- a) Perlindungan Hutan diperkuuhkan termasuklah kawalan Hutan Simpanan Kekal bagi memenuhi keperluan Dasar Perhutanan Malaysia 2020, seiring dengan hasrat Dasar-Dasar Kerajaan Negeri seperti Penang2030 dan *Penang Green Agenda 2030*;
- b) Penerapan nilai tambah ke atas sumberjaya fungsi pengkelasan hutan terutamanya mempergiatkan ciri ekopelancongan lestari iaitu bersinergi dengan alam sekitar, peka kepada persekitaran dan menghormati kewujudan entiti lain;
- c) Keterlibatan masyarakat, NGOs dan Korporat melalui program-program atau kerjasama perhutanan sosial bagi menggalakkan meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai faedah hutan; dan
- d) Penjelajahan secara meluas terhadap penjanaan ekonomi baru dari sumber hutan menerusi "Pembayaran Perkhidmatan Ekosistem" (PES) dan Perdagangan Karbon menerusi mekanisme Carbon Offset.